



---

**TEKS UCAPAN  
YB DATO' SERI KONG CHO HA  
MENTERI PENGANGKUTAN  
SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN 1KEMENTERIAN,  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
15 JANUARI 2013**

---

Yang dihormati saudara dan saudari Pengurus Majlis

Y. Bhg. Dato' Long See Wool,  
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia

Y. Bhg. Dato' Yap Kin Sian,  
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

Yang Berusaha Puan Ruhaizah Mohamed Rashid  
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan)

Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian  
Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Unit serta warga  
kementerian yang dihormati sekalian.

## Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada tuhan kerana dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan dalam perhimpunan 1MOT bagi bulan Januari 2013 pada pagi ini. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Bahagian Pembangunan kerana menjadi tuan rumah perhimpunan 1MOT pada kali ini. Perhimpunan bulan ini juga merupakan pembuka tirai bagi tahun 2013.

Rasanya belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2013 kepada seluruh warga MOT dengan harapan agar tahun 2013 ini akan membawa lebih banyak kejayaan kepada kita semua dalam melaksanakan amanah memperkasa transformasi pengangkutan di negara ini.

Di bawah Kepimpinan YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kita, kerajaan telah melancarkan Program Transformasi Kerajaan atau GTP bersama 7 NKRA dan 12 NKEA sebagai teras kepada Model Baru Ekonomi, ini diikuti dengan Pembentangan Rancangan Ke-10 dan Bajet Tahun 2013. Kita amat bertuah kerana ekonomi negara telah mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan dan semua ini membuktikan bahawa segala perancangan dan pelaksanaan untuk membawa Malaysia ke arah status negara maju menjelang 2020 sedang berjalan lancar.

Setelah lebih lima dekad, segala pencapaian yang diraih bukanlah terjadi secara kebetulan atau secara tiba-tiba. Akan tetapi setiap perkara dan usaha yang dirancang, sebenarnya dilaksanakan secara tersusun dengan mengambil kira kesan jangka pendek dan jangka panjang.

Menyorot kembali sejarah pembangunan sektor pengangkutan awam di negara ini, sebenarnya ia bermula daripada tahun 1951 di mana dalam sistem pemerintahan secara kabinet yang dipanggil “Sistem Ahli” pada ketika itu di mana beberapa ahli dilantik untuk mengetuai urusan pentadbiran beberapa buah jabatan. Hal-hal mengenai pengangkutan jalan dan penerangan awam terletak di bawah tanggungjawab ahli untuk Tanah, Galian dan Perhubungan. Manakala ahli untuk keretapi dan pelabuhan bertanggungjawab untuk perkara-perkara berhubung dengan keretapi, pelabuhan dan laut.

Namun berkat kegigihan perjuangan para pemimpin dan pejuang terdahulu, kita akhirnya berjaya muncul sebagai negara yang maju dan makmur standing dengan negara lain di dunia.

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,**

Sektor pengangkutan awam negara sentiasa menjadi agenda utama yang berterusan dalam pentadbiran negara. Meskipun dalam kerancakan pelaksanaan program-program untuk memajukan negara bagi menempatkan Malaysia standing dengan negara-negara maju dan kerajaan tidak sesekali mengabaikan aspek pembangunan pengangkutan

bagi meningkatkan keberkesanannya khususnya keberkesanannya pengangkutan awam bandar yang menjadi teras kepada pelaksanaan NKRA Kementerian ini iaitu meningkatkan jaringan dan akses Pengangkutan Awam Bandar. Sebagai bukti, selama lebih setengah abad kerajaan telah membelanjakan berbilion ringgit kepada sektor pengangkutan bagi menyediakan kemudahan infrastruktur membabitkan ketiga-tiga sektor pengangkutan iaitu Udara, Maritim dan Darat.

Pada tahun 2012 sahaja, sebanyak **RM4.159 billion** di peruntukan kepada Kementerian ini bagi melaksanakan projek-projek pembangunan, di mana sejumlah **RM4.011 billion** telah dibelanjakan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan yang saya kira dapat memberikan faedah yang besar kepada rakyat di negara ini.

Projek-projek pembangunan seperti Projek Landasan Berkembar Elektrik dari Ipoh ke Padang Besar, Seremban ke Gemas dan Gemas ke Johor Bharu; Projek Sambungan ERL ke KLIA 2; Projek landasan keretapi Subang Jaya – Sungai Buloh (Fasa 1: Subang Jaya – Sri Subang); Projek-projek pembangunan dan penaiktarafan lapangan terbang di Kota Kinabalu, Kuching, Sibu, Kota Bahru dan Ipoh; Projek pembangunan dan penaiktarafan sistem kawalan dan pengurusan trafik udara; dan juga Projek Menambahbaik Sistem Pengangkutan Awam Bandar di bawah inisiatif NKRA, merupakan 83 projek yang sedang dilaksanakan di bawah Rolling Plan Pertama RMKe-10.

Namun perlaksanaan terhadap usaha ini perlu kita lakukan dengan lebih berkesan agar ianya dapat memberikan keyakinan kepada rakyat dan sekali gus dapat meningkatkan kepercayaan mereka terhadap usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan. Saya berkeyakinan usaha yang kita lakukan sepanjang tahun ini akan dapat memberikan impak dan kesan yang besar kepada semua pihak khususnya rakyat. Justeru, semua pihak termasuk agensi di bawah Kementerian ini disaran agar dapat menyegerakan pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan dengan mengambil kira pemantauan prestasi projek supaya tidak berlaku kelewatan yang boleh menjaskan pencapaian dan prestasi MOT pada keseluruhannya.

**Hadiri yang dihormati sekelian,**

Bagi tahun 2012, prestasi pergerakan penumpang bagi lapangan-lapangan terbang di Malaysia telah menunjukkan peningkatan sebanyak 4.77% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2011 iaitu daripada 65.35 juta kepada 68.46 juta penumpang. Sementara itu bagi tahun 2013 prestasi pergerakan penumpang bagi lapangan-lapangan terbang di Malaysia dijangka akan mencecah kepada 70 juta. Pada tahun ini juga prestasi pergerakan kargo dijangka akan kekal pada 881,830 tan metrik.

Dalam pada itu, sepanjang tahun lalu sebanyak 8 syarikat penerbangan penumpang asing yang baru telah mula beroperasi ke Malaysia iaitu AirAsia Philippines, Airphil Express, Bangkok Airways, BB Airways, Ethiopian Airlines, Mandala Airlines, Seair dan Zest Airways. Bagi

melonjakkan operasi syarikat penerbangan negara pada tahun ini, Malindo Air sebuah syarikat penerbangan negara yang baru akan mula beroperasi pada bulan Mac 2013. Operasi penerbangan Malindo Air akan dapat meningkatkan jaringan pengangkutan udara, mewujudkan persaingan yang sihat dan memberi alternatif penerbangan kepada penumpang, menggalakkan pertumbuhan sektor pelancongan negara, menyokong pembangunan dan pertumbuhan KLIA 2, menggalakkan pertumbuhan sektor MRO dan membuka peluang pekerjaan dalam sektor penerbangan negara.

Sepanjang tahun lalu, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan sebanyak 11 rundingan udara dengan Mauritius, Uzbekistan, Mesir, India, Australia, United Kingdom, Kanada, Morocco Azerbaijan, Arab Saudi dan Iraq. Bagi 2013, adalah dijangka sebanyak 11 rundingan udara bakal diadakan.

Selain daripada itu, pada tahun ini Malaysia akan sekali lagi bertanding untuk mendapat kerusi sebagai ahli Majlis *International Civil Aviation Organisation* (ICAO) yang akan diadakan pada Oktober 2013 di Montreal, Kanada.

Sehubungan dengan itu, Malaysia akan menjalankan usaha-usaha untuk melobi bagi memastikan Malaysia mengekalkan kerusi sebagai ahli Majlis *International Civil Aviation Organisation* (ICAO) bagi tempoh 2013-2016.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan,**

Dalam kita menghadapi cabaran-cabaran dan senario global yang tidak menentu yang boleh menjaskan hasrat untuk meningkatkan tahap sosio ekonomi negara, warga MOT disaran agar lebih perkasa atau formidable dan bertunjangkan prestasi atau performance driven. Kita hendaklah dengan lebih berani melakukan penambahbaikan dan mencari kaedah baru dalam melaksanakan tugas kita, kita perlu melakukan transformasi.

Justeru bajet 2013 yang dibentangkan lalu merupakan satu manifestasi kepada komitmen YAB Perdana Menteri yang kita kasihi untuk melakukan transformasi untuk membentuk perkhidmatan yang lebih dinamik, respondan berpaksikan kepada kecemerlangan. Dalam hal ini saya amat berharap serta berkeyakinan tinggi bahawa warga MOT dapat menerima cabaran ini dengan mempersiapkan diri mereka bagi kita sama-sama menumpukan segala usaha, tenaga dan fikiran bagi menjadi yang terbaik.

Justeru itu pengiktirafan dan ganjaran kepada warga kementerian ini akan berdasarkan kepada hasil atau output yang dihasilkan. Sungguhpun banyak usaha yang telah dilaksanakan yang membawa kesan positif kepada rakyat, tetapi masih banyak lagi yang perlu kita lakukan dan perlu dilakukan dalam masa terdekat ini.

Bagi mendepani tahun 2013 tuan-tuan dan puan-puan harus sentiasa dahagakan usaha untuk melonjak kehadapan dan berinovatif dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat terutama sekali kumpulan sasar kita.

Pun begitu kita juga perlu secara berpasukan meneruskan agenda transformasi dan bergerak secara responif untuk memberikan mutu perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Saya berkeyakinan penuh bahawa objektif ini adalah sesuatu yang boleh kita hasilkan.

PRU ke-13 akan diadakan pada bila-bila masa dari sekarang, ingin saya ingatkan sekali lagi bahawa rakyat sedang memerhati dan menilai usaha kita. Kita tidak boleh alpa kerana ia akan menyebabkan kita diberikan penilaian negatif dan ditafsir sebagai tidak relevan lagi dalam pembangunan negara. Warga MOT hendaklah teguh, inovatif dan kreatif serta menghasilkan pencapaian yang jelas dan cemerlang bagi tahun 2013.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Tahun Baru Cina “Gong Xi Fat Chai” kepada seluruh warga MOT dan agensi di bawah kementerian ini. Harapan saya semoga sambutan perayaan Tahun Baru Cina kali ini akan memberi kesejahteraan dan iltizam yang cukup bermakna dalam usaha kita meningkatkan imej dan peranan Kementerian serta agensi di bawahnya. Saya percaya komitmen dan usaha yang bersungguh-sungguh daripada tuan-tuan dan puan-puan warga MOT akan mewarnai kejayaan Kementerian ini pada masa-masa akan datang.

Akhir kata saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada jawatankuasa pengajur serta seluruh warga MOT kerana berjaya mengadakan majlis perhimpunan 1MOT pada pagi ini. Sekian, terima kasih.